



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
-PEKELILING-



KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

Fail : MBSA/PTD/PA/100-1/1/1 Jld.3 ()

Tarikh : 19 November 2014
26 Muharam 1436H

Kepada,

Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Pejabat Cawangan
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan / Puan,

KAD TOUCH N GO DAN SMARTTAG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Shah Alam telah bersetuju untuk membekalkan sekeping kad Touch n Go dan seunit SmartTAG kepada semua Pengarah, Ketua Bahagian dan Pengurus Pejabat Cawangan serta tambahan kad-kad Touch n Go kepada Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan berdasarkan nisbah lima (5) kenderaan bersamaan satu (1) unit kad Touch n Go seperti yang diputuskan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Bersama Penyelia Kenderaan Kali Pertama Bagi Tahun 2014 (1/2014) yang diadakan pada 13 Ogos 2014.
3. Untuk makluman tuan/puan, kemudahan kad Touch n Go dan SmartTAG ini bertujuan bagi pembayaran tol dan pembayaran letak kereta di lokasi tugasan rasmi sahaja serta tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
4. Selain daripada itu, kemudahan kad Touch n Go dan SmartTAG ini amatlah penting dan fleksibel untuk kenderaan MBSA melalui lebuhraya dengan lebih cepat dan efisien.
5. Nilai maksimum bagi setiap kad Touch n Go adalah sebanyak RM200.00 dan tuan/puan boleh membuat tambah nilai sekiranya baki kad berjumlah RM50.00. Permohonan tambah nilai hanya dibenarkan dibuat sekali dalam tempoh sebulan.
6. Tuan/puan diminta untuk memastikan pengendalian kad Touch n Go dan SmartTAG dalam keadaan teratur. Pergerakan dan penggunaan kad Touch N Go perlu direkod dan dilengkapkan sebelum dan selepas penggunaan kad. Contoh rekod penggunaan kad adalah seperti di **Lampiran A**.
7. Pihak Urusetia Jabatan Khidmat Pengurusan akan mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala bagi memastikan penggunaan kad Touch N Go mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pihak tuan/puan dikehendaki menyelaraskan penggunaan kad di setiap Jabatan oleh Pegawai atau Penyelia Kenderaan yang telah dipertanggungjawabkan terhadap tugas tersebut.

8. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan kad Touch n Go dan SmartTAG yang telah direkodkan sebagai inventori Majlis.

9. Bersama-sama ini disertakan senarai Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan yang layak menerima kad Touch n Go dan SmartTag seperti di **Lampiran B**.

10. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

"Khidmat Terbaik"

Saya yang menurut perintah,



(MOHTAR BIN HANI)
Timbalan Datuk Bandar

s.k Datuk Bandar

MH/MB/Nr

LAMPIRAN B

SENARAI JABATAN YANG DIBEKALKAN KAD TOUCH N GO DAN SMART TAG

Bil	Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan	SmartTAG Baru	Jumlah Kenderaan Melalui Laluan Tol Berbayar	Kad Touch n Go Sediada Di Jabatan	Kad Touch n Go Baru Untuk Ketua Jabatan	Kad Touch n Go Tambahan Untuk Jabatan (nisbah 5 : 1)	Jumlah Kad
1.	Pejabat Datuk Bandar	1	2	3	0	0	3
2.	Pejabat Timbalan Datuk Bandar	1	1	1	0	0	1
3.	Timbalan Setiausaha	1	1	0	1	0	1
4.	Khidmat Pengurusan	1	4	9	0	0	9
5.	Kewangan	1	1	0	1	0	1
6.	Penilaian & Pengurusan Harta	1	5	1	0	1	2
7.	Kesihatan Persekitaran	1	20	0	1	4	5
8.	Teknologi Maklumat	1	1	1	0	0	1
9.	Bangunan	1	3	0	1	1	2
10.	Perancangan	1	4	2	0	0	2
	Task Force Billboard		0	1	0	0	1
11.	Kejuruteraan	1	34	5	0	2	7
12.	Taman & Rekreasi	1	19	0	1	3	4
13.	Pelesenan	1	6	1	0	1	2
	Penguatkuasaan	1	31	7	0	0	7
14.	Korporat & Pembangunan Komuniti	1	25	2	0	3	5
15.	Undang-Undang	1	3	0	1	1	2
16.	Pengurusan Hasil & Pelaburan	1	3	0	1	1	2
17.	Pusat Setempat	1	2	1	0	1	2
18.	Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	1	17	0	1	3	4
19.	Audit Dalam & Pengaduan Awam	1	2	1	0	1	2
20.	Pengurusan Stadium	1	1	1	0	0	1
21.	Pesuruhjaya Bangunan	1	1	0	1	0	1
22.	Tender & Kontrak	1	1	0	1	0	1
23.	Kota Kemuning	1	4	1	0	1	2
24.	Sungai Buloh	1	7	1	0	1	2
25.	Setia Alam	1	1	0	1	0	1
26.	Urusetia Mesyuarat	1	0	0	0	0	0
Jumlah		27	199	38	11	24	73

LAMPIRAN A

CONTOH

REKOD PENGGUNAAN KAD TOUCH N GO

NO KAD : 3438431972

Tarikh	Nama Pengguna	Jumlah Pada Kad (RM)	Jumlah Guna (RM)	Baki	Tempat	T/Tangan Ambil	T/Tangan Pulang	Tarikh Pulang
22.10.2014	Madiyan	200.00	1.00	199.00	Klang	<i>Madiyan</i>	<i>Madiyan</i>	23.10.2014